



**PANDUAN PELAKSANAAN DAN SYARAT PENTAULIAHAN PUSAT
BERTAULIAH ANTARABANGSA DI LUAR NEGARA BAGI SISTEM PERSIJILAN
KEMAHIRAN MALAYSIA**

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
MALAYSIA**

APRIL 2013

KANDUNGAN

1.0	TUJUAN	3
2.0	LATAR BELAKANG.....	4
3.0	TAFSIRAN	4
4.0	KRITERIA PENTAULIAHAN PROGRAM LATIHAN	6
5.0	PERMOHONAN PENTAULIAHAN PROGRAM.....	7
6.0	KAEDAH PELAKSANAAN LATIHAN.....	9
7.0	PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB.....	11
8.0	PERMOHONAN PENAMBAHAN PROGRAM.....	15
9.0	PERMOHONAN PEMBAHARUAN PENTAULIAHAN PROGRAM	16
10.0	KELULUSAN PERMOHONAN	11
11.0	LAWATAN PEMANTAUAN JAMINAN KUALITI.....	16
12.0	LARANGAN KEPADA PB-AB.....	16
13.0	PENGGANTUNGAN ATAU PEMBATALAN SIJIL PENTAULIAHAN.....	17
14.0	INDEMNITI	17
15.0	TARIKH KUAT KUASA.....	Error! Bookmark not defined. 18

SENARAI KEPENDEKAN

DKM	Diploma Kemahiran Malaysia
DLKM	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
KPPK	Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
KSM	Kementerian Sumber Manusia
NOSS	<i>National Occupational Skill Standard</i>
PB	Pusat Bertauliah
PB-AB	Pusat Bertauliah Antarabangsa
PLK	Penyedia Latihan Kemahiran
PP-AB	Pegawai Penilai Antarabangsa
PPB-AB	Pengurus Pusat Bertauliah Antarabangsa
PPD-AB	Pegawai Pengesah Dalaman Antarabangsa
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SPKM	Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia

1.0 TUJUAN

Panduan pelaksanaan dan syarat pentauliahan ini bertujuan untuk melaksanakan program latihan kemahiran JPK kepada pelatih antarabangsa di luar negara. Panduan ini adalah merupakan syarat-syarat yang ditetapkan oleh KPPK berdasarkan kepada kelulusan Jemaah Menteri mengenai cadangan mengembangkan program-program latihan kemahiran yang ditauliahkan oleh JPK ke peringkat antarabangsa dalam mesyuaratnya pada 2 Disember 2005.

Panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan Panduan Pelaksanaan dan Syarat Pentauliahan Pusat Bertauliah Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia dan lain-lain peraturan dan syarat berkaitan yang sedang berkuatkuasa. Panduan ini adalah merupakan syarat-syarat pentauliahan yang ditetapkan oleh KPPK di bawah Seksyen 28 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652].

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Selaras dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan dan Latihan Vokasional di peringkat antarabangsa, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 2 Disember 2005 telah meluluskan cadangan penawaran program latihan kemahiran di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia ke luar Negara oleh Pusat-Pusat Bertauliah JPK.
- 2.2 Sejalan dengan matlamat Kerajaan ke arah mengarusperdanakan dan memperluas akses kepada pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TEVT) yang berkualiti, di bawah *Entry Point Project 5 (EPP5)*, Kerajaan telah mensasarkan peningkatan bilangan pelajar asing bagi mengikuti Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).
- 2.3 Untuk mengembangkan latihan kemahiran di peringkat antarabangsa, JPK memperkenalkan program kerjasama di antara PB dalam negara dengan Penyedia Latihan Kemahiran luar negara.

3.0 TAFSIRAN

Dalam syarat dan panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

“**Daftar Standard**” ertinya satu dokumen yang menyenaraikan tajuk-tajuk pekerjaan bagi semua Standard yang telah diluluskan oleh JPK;

“**KPPK**” ertinya mana-mana pegawai awam yang dilantik sebagai Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran di bawah seksyen 17 Akta 652;

“**pelatih**” ertinya seseorang yang menerima latihan kemahiran yang disediakan oleh penyedia latihan kemahiran;

“penyedia latihan kemahiran” ertinya suatu pertubuhan perbadanan, organisasi atau lain-lain kumpulan orang yang mengendalikan program latihan kemahiran yang maksud utamanya adalah bagi memenuhi kehendak Standard berkaitan;

“pentauliahan” ertinya suatu tatacara yang Ketua Pengarah menilai dan meluluskan sesuatu program latihan kemahiran;

“personel pentauliahan antarabangsa” ertinya PPB-AB, PPD-AB dan PP-AB yang berkelayakan dan diperakukan oleh JPK;

“program latihan” ertinya suatu kumpulan aktiviti latihan dan penilaian, dan hasil pembelajaran bagi suatu pekerjaan tertentu;

“program penuh” ertinya program latihan yang dijalankan bagi memenuhi kesemua CU di dalam NOSS berkaitan yang membawa kepada penganugerahan SKM/DKM/DLKM;

“pusat bertauliah” ertinya suatu penyedia latihan kemahiran yang telah diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan suatu program bertauliah sehingga kepada penganugerahan suatu Sijil;

“Sijil” ertinya kelayakan kemahiran yang dianugerahkan kepada seseorang oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 34;

“Standard” ertinya Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan yang diwujudkan di bawah Bahagian IV Akta 652;

4.0 KRITERIA PENTAULIAHAN PROGRAM LATIHAN

Permohonan pelaksanaan program latihan kemahiran di luar negara adalah terbuka kepada mana-mana PB tempatan yang memenuhi kriteria berikut:

- 4.1 Mempunyai rekod pencapaian dan prestasi sebagai PB sedia ada yang baik seperti berikut :
 - i) PB telah mendapat pentauliah program penuh yang mempunyai tempoh sah laku pentauliah sekurang-kurangnya 24 bulan sebelum tarikh tamat pentauliah; dan
 - ii) PB telah mendapat pentauliah program sekurang-kurangnya hingga ke Tahap 3; dan
 - iii) Rekod pengambilan dan persijilan pelatih sekurang-kurangnya 2 pengambilan bagi mana-mana program penuh mengikut tahap; dan
 - iv) Penarafan program yang dipohon sekurang-kurangnya 3 bintang. Sekiranya tiada penarafan bintang, penarafan khas akan dijalankan ke atas PB.
- 4.2 Mempunyai Unit Hal Ehwal Pelajar untuk menguruskan hal ehwal latihan dan kebajikan pelatih di luar negara;
- 4.3 Laporan penyata kewangan yang telah diaudit untuk tiga (3) tahun terakhir yang berbaki sekurang-kurangnya RM 200 000.00;
- 4.4 Mempunyai kerjasama dengan PLK antarabangsa atau membuka cawangan PLK di luar negara. PLK hendaklah mempunyai kriteria sebagai sebuah institusi latihan kemahiran seperti berikut :
 - i) dilengkapi dengan kemudahan fizikal yang mencukupi mengikut bilangan kapasiti pelatih yang dipohon; dan
 - ii) telah mendapat kelulusan daripada agensi penguatkuasa.
- 4.5 Memiliki nama PB antarabangsa di luar negara yang mencerminkan sebuah institusi latihan kemahiran dan menepati syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Panduan Pelaksanaan dan Syarat Pentauliah Pusat Bertauliah Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan yang sedang berkuatkuasa.

5.0 PERMOHONAN PENTAULIAHAN PROGRAM

5.1 PB tempatan yang telah memenuhi kriteria yang ditetapkan boleh mengemukakan permohonan dengan menggunakan Senarai Semak Permohonan Pentauliahan Program (Lampiran 1) dan borang Permohonan Pentauliahan Program JPK Bagi Menjalankan Latihan Kemahiran Di Luar Negara (Lampiran 2) dengan menyertakan perkara-perkara berikut:

- i. Sijil akuan pentauliahan dalam negara yang masih sah laku;
- ii. Maklumat-maklumat berikut:
 - a) Profil lengkap PLK antarabangsa;
 - b) Maklumat program yang dipohon;
 - c) Surat kelulusan yang berkaitan daripada pihak berkuasa negara berkenaan;
 - d) *Memorandum of Agreement (MoA)* atau apa-apa dokumen perjanjian di antara PB tempatan dan PLK antarabangsa bagi maksud persetujuan pelaksanaan SPKM di negara berkenaan;
 - e) Dokumen-dokumen sokongan dan bertulis berkaitan dengan program yang dipohon merangkumi :
 - senarai kemudahan latihan beserta gambar berwarna;
 - mekanisma pelaksanaan latihan (kurikulum latihan, jadual latihan);
 - sistem penilaian latihan;
 - sistem jaminan kualiti merangkumi struktur organisasi dan maklumat personel pentauliahan yang dilantik oleh PLK Antarabangsa:
 - Kelayakan kemahiran personel
 - Kelayakan mengajar personel
 - f) Surat akujanji untuk bertanggungjawab sepenuhnya terhadap apa-apa tindakan perundangan di bawah Akta 652 atau peraturan dan undang-undang negara PB antarabangsa.

- 5.2 PB tempatan hendaklah menjelaskan pembayaran sebanyak USD2,000.00 bagi tujuan permohonan pentauliahan program kepada JPK seperti yang ditetapkan dalam Arahan Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran Bilangan 1 Tahun 2011 (sub perkara 2.a. Penetapan Kadar Bayaran).
- 5.3 PB tempatan dan PLK antarabangsa (sekiranya perlu) hendaklah membuat pembentangan permohonan mengenai maklumat yang dikemukakan seperti di atas kepada JPK setelah dokumen lengkap dan disemak untuk pertimbangan kelulusan;
- 5.4 PB tempatan hendaklah menjelaskan pembayaran tambahan sebanyak RM3,200.00 bagi tujuan pelaksanaan Kursus Induksi SPKM di PLK antarabangsa yang akan dilaksanakan serentak dengan lawatan penilaian.
- 5.5 PB tempatan adalah bertanggungjawab penuh dalam memastikan pelaksanaan program latihan di luar negara mematuhi Panduan Pelaksanaan dan Syarat Pentauliahan Pusat Bertauliah Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan yang sedang berkuatkuasa.
- 5.6 JPK boleh pada bila-bila masa, selepas menerima permohonan, melalui notis bertulis menghendaki PB untuk memberikan dokumen atau maklumat tambahan yang diperlukan dalam tempoh seperti yang ditentukan oleh JPK. Jika dokumen dan maklumat tambahan tidak dikemukakan dalam tempoh yang ditentukan, permohonan dianggap **TERBATAL**.
- 5.7 Sijil Pentauliahan akan dikeluarkan kepada PLK antarabangsa yang berjaya. Selepas daripada ini PLK antarabangsa akan dipanggil sebagai PB antarabangsa (PB-AB).

6.0 KAEDAH PELAKSANAAN LATIHAN

Prosedur pelaksanaan program latihan di luar negara adalah seperti berikut:

6.1 Kelayakan Pelatih

PB hendaklah memastikan bahawa pelatih-pelatih tersebut memenuhi kelayakan seperti berikut :

- a) Boleh membaca, menulis dan bertutur dalam Bahasa Inggeris bagi tujuan penilaian; dan
- b) Memenuhi apa-apa syarat dan kelayakan yang ditetapkan oleh PB-AB dan pihak berkuasa berkaitan di negara berkenaan.

6.2 Pendaftaran Pelatih Antarabangsa

- i) PB hendaklah bertanggungjawab dalam urusan pendaftaran pelatih antarabangsa secara atas talian dan menjelaskan fi pendaftaran dan pengeluaran sijil sebanyak USD50.00 (RM200.00) seperti yang ditetapkan dalam Arahan Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran Bilangan 1 Tahun 2011 (sub perkara 2.d. Penetapan Kadar Bayaran) dan Panduan Pendaftaran Pelatih Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Sistem Pentauliahan yang sedang berkuatkuasa, dalam tempoh 60 hari dari tarikh mula latihan. Sekiranya pelatih gagal menamatkan latihan, fi pendaftaran tidak akan dikembalikan; dan
- ii) Jika latihan melibatkan LI, butiran lengkap berkenaan tempat latihan dan tempoh latihan hendaklah dilaporkan kepada JPK.

6.3 Pelaksanaan Latihan

PB-AB hendaklah melaksanakan latihan berlandaskan pada perkara-perkara berikut:

- a) Mematuhi Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian yang sedang berkuatkuasa;
- b) Latihan hendaklah dijalankan secara sepenuh masa;
- c) Menepati jadual pelaksanaan latihan yang dirancang merangkumi:
 - i. Tarikh mula dan tamat latihan;

- ii. Kaedah pelaksanaan latihan;
 - iii. Kaedah penilaian; dan
 - iv. Kaedah Latihan Industri.
- d) Bahan pengajaran dan penilaian disediakan dalam Bahasa Inggeris bagi tujuan penilaian pelatih;
- e) Memastikan bilangan pelatih antarabangsa untuk satu-satu program yang telah diluluskan oleh JPK pada satu-satu masa mestilah tidak melebihi nisbah Pegawai Penilai (PP-AB) terhadap pelatih 1:25 seperti mana yang digariskan dalam Panduan Pelaksanaan dan Syarat Pentauliahkan Pusat Bertauliah yang sedang berkuatkuasa termasuk kapasiti peralatan dan keperluan latihan;
- f) Mematuhi semua peraturan dan pekeliling yang sedang berkuatkuasa.

6.4 Pertukaran Program

Pelatih hanya dibenarkan untuk menukar program latihan berlainan yang ditauliahkan sebelum pendaftaran dibuat dalam tempoh 60 hari. Pertukaran program selepas tempoh tersebut tidak dibenarkan.

6.5 Penilaian

- a) PB-AB hendaklah melaksanakan penilaian latihan dengan mematuhi peraturan penilaian yang ditetapkan di dalam Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian yang sedang berkuatkuasa.
- b) PB hendaklah membuat pembayaran sebanyak USD2,000.00 bagi tujuan lawatan verifikasi penilaian pelatih seperti yang ditetapkan dalam Arahan Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran Bilangan 1 Tahun 2011 (sub perkara 2.c. Penetapan Kadar Bayaran). Bayaran hendaklah dikemukakan semasa permohonan lawatan verifikasi penilaian pelatih.
- c) PB adalah bertanggungjawab untuk:
- i. mengemukakan permohonan untuk menjalankan penilaian akhir dalam tempoh sekurang-kurangnya dua (2) bulan dari tarikh cadangan peperiksaan

- ii. mencetak set-set soalan penilaian akhir;
- iii. melantik pengawas dan pemeriksa dari kalangan PP-AB dan PPD-AB;
- iv. mengemaskini keputusan penilaian akhir dan mengemukakan permohonan persijilan dalam tempoh 10 hari selepas tarikh penilaian akhir.

6.6 Persijilan

- a) PB hendaklah bertanggungjawab:
 - i. mengemukakan permohonan pengeluaran sijil kepada JPK; dan
 - ii. mematuhi peraturan pengeluaran sijil yang ditetapkan di dalam Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian yang sedang berkuatkuasa.
- b) Penganugerahan sijil adalah berdasarkan kepada Panduan Dan Peraturan-Peraturan Pentauliahan Persijilan Kemahiran Malaysia . Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian yang sedang berkuatkuasa.

7.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

- 7.1 PB hendaklah bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berikut:
 - a) memastikan personel pentauliahan PB-AB menghadiri kursus induksi PP/PPD/PB SPKM dan lulus penilaian yang ditetapkan oleh JPK;
 - b) mendaftarkan personel pentauliahan PB-AB secara atas talian setelah PLK antarabangsa mendapat pentauliahan program;
 - c) menyediakan pegawai khusus bagi urusan antara JPK, PB tempatan dan PB-AB;
 - d) memastikan personel pentauliahan antarabangsa mencukupi dan berkelayakan bagi setiap program yang dilaksanakan;
 - e) memastikan pendaftaran pelatih secara atas talian selewat-lewatnya 60 hari dari tarikh pelatih mendaftar di PB-AB;

- f) mematuhi syarat-syarat di negara berkaitan untuk melaksanakan program latihan kemahiran;
- g) mengambil tanggungjawab sepenuhnya terhadap latihan pelatih PB antarabangsa apabila berlaku penamatan dan penggantungan pentauliahan oleh JPK atau PB-AB menarik diri;
- h) memastikan PP-AB memiliki kemahiran yang setara dengan Standard program yang dipohon;
- i) mengemukakan rekod kehadiran latihan pelatih kepada JPK pada bila-bila masa yang diperlukan;
- j) memastikan kebajikan dan keselamatan pelatih sepanjang tempoh latihan;

7.2 PB-AB hendaklah bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berikut:

- a) mematuhi peraturan dan syarat SPKM yang ditetapkan;
- b) mematuhi syarat-syarat di negara berkaitan untuk melaksanakan program latihan kemahiran;
- c) memastikan personel pentauliahan mencukupi dan berkecukupan bagi setiap program yang dilaksanakan;
- d) memastikan pendaftaran pelatih secara atas talian dibuat selewat-lewatnya 60 hari dari tarikh pelatih mendaftar di PB-AB;
- e) mengambil tanggungjawab sepenuhnya terhadap latihan dan penilaian pelatih;
- f) memastikan bahan pembelajaran dan penilaian yang lengkap disediakan;
- g) memastikan PP-AB memiliki kemahiran yang setara dengan Standard program yang dipohon;
- h) mengemaskini semua maklumat berkaitan SPKM sekiranya terdapat sebarang pindaan;
memastikan sistem jaminan kualiti yang ditetapkan oleh JPK dipatuhi.

7.3 Personel Pentauliah

a) PB dan PB-AB hendaklah memastikan kriteria dan peranan personel pentauliah di luar negara adalah seperti berikut:

i. **Pengurus Pusat Bertauliah Antarabangsa (PPB-AB)**

Kriteria

- Ketua kepada organisasi atau pegawai yang diberi tanggungjawab untuk mentadbir organisasi berkenaan;
- Berkhidmat di sebuah PB-AB sahaja; dan
- Lulus kursus induksi PP/PPD/PB SPKM

Peranan dan tanggungjawab

- Mengurus, memantau dan mengawalselia pelaksanaan latihan kemahiran melalui SPKM;
- Menjadi pegawai perhubungan di antara JPK dan PB-AB;
- Bertanggungjawab dalam mematuhi apa-apa peraturan dan arahan JPK berkaitan SPKM;
- Memastikan segala program yang ditawarkan menepati keperluan Standard terkini;
- Melantik PPD-AB hanya bagi subsektor yang berkaitan pada satu-satu masa sahaja;
- Melantik PP-AB hanya bagi satu program/ tahap pada satu-satu masa sahaja; dan
- Mengambil tindakan susulan terhadap komen dan cadangan penambahbaikan berterusan.

ii. **Pegawai Pengesah Dalam Antarabangsa (PPD-AB)**

Kriteria

- Mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang berkaitan;
- Berkhidmat di sebuah PB-AB sahaja;
- Lulus kursus induksi PP/PPD/PB SPKM;

- Mempunyai sijil kelayakan kemahiran pada tahap lebih tinggi atau setara dalam sub-sektor berkaitan

Peranan dan tanggungjawab

- Mengurus, memantau dan mengawalselia pelaksanaan latihan kemahiran di dalam kelompok sektor kemahirannya;
- Merangka prosedur dan dokumen pelaksanaan latihan kemahiran di PB-AB;
- Mengawal dan memantau sistem jaminan mutu latihan dan penilaian dalaman mengikut kehendak Standard terkini; dan
- Memastikan penilaian dijalankan secara seragam dan sempurna mengikut Standard dan apa-apa peraturan yang ditetapkan oleh JPK.

iii. Pegawai Penilai Antarabangsa (PP-AB)

Kriteria

- Mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang berkaitan;
- Berkhidmat di satu PB-AB sahaja;
- Lulus kursus induksi PP/PPD/PB SPKM;
- Mempunyai sijil teknik mengajar dalam latihan vokasional yang diiktiraf oleh negara berkaitan;
- Mempunyai sijil kelayakan kemahiran pada tahap lebih tinggi atau setara dalam program yang diajar.

Peranan dan tanggungjawab

- Merangka prosedur latihan dan penilaian latihan bersama PPD-AB;
- Menjelaskan kepada calon tentang objektif, keperluan latihan dan penilaian keterampilan berdasarkan Standard terkini;

- Melaksanakan proses latihan dan penilaian dengan kebolehpercayaan, telus dan sah;
- Membimbing calon dalam penyediaan rekod bukti keterampilan.
- Memantau perkembangan prestasi dan membimbing pelatih pada setiap keterampilan; dan
- Melaksana keperluan pendaftaran dan persijilan melalui sistem yang ditetapkan.

7.4 Kurikulum

PB dan PB-AB hendaklah memastikan kurikulum latihan memenuhi keperluan Standard.

8.0 PERMOHONAN PENAMBAHAN PROGRAM

8.1 Program sedia ada yang ditauliahkan di PB

PB-AB melalui PB hendaklah mengemukakan permohonan penambahan program antarabangsa kepada Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK) seperti senarai semak di Lampiran 3.

8.2 Program yang tidak ditauliahkan di PB

- a) PB hendaklah mengemukakan permohonan penambahan program antarabangsa kepada KPPK seperti di senarai semak Lampiran 3; dan
- b) PB-AB hendaklah mempunyai pengalaman melaksanakan program di bawah SPKM sekurang-kurangnya dua sesi keluaran pelatih bagi mana-mana program yang telah ditauliahkan.

8.3 PB hendaklah menjelaskan fi mengikut kadar yang sama seperti perkara 5.3 dan 5.4 dalam panduan ini.

9.0 PERMOHONAN PEMBAHARUAN PENTAULIAHAN PROGRAM

- a) PB hendaklah mengemukakan dokumen permohonan pembaharuan pentauliahan program kepada KPPK seperti senarai semak di Lampiran 4.
- b) PB hendaklah menjelaskan pembayaran sebanyak USD2,000.00 bagi tujuan pembaharuan program seperti yang ditetapkan dalam Arahan Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran Bilangan 1 Tahun 2011 (sub perkara 2.b. Penetapan Kadar Bayaran).
- c) PB hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan pentauliahan ke JPK dalam tempoh selewat-lewatnya enam (6) bulan sebelum tamat tempoh pentauliahan.

10.0 KELULUSAN PERMOHONAN

Selepas menilai dan menimbangkan sesuatu permohonan, KPPK boleh;

- i. meluluskan permohonan dan memberikan Sijil Pentauliahan kepada PB-AB bagi melaksanakan program latihan di luar negara bagi suatu tempoh yang ditetapkan; atau
- ii. menolak permohonan itu, dengan menyatakan alasan bagi penolakan tersebut.

11.0 LAWATAN PEMANTAUAN JAMINAN KUALITI

JPK boleh pada bila-bila masa boleh mengadakan lawatan pemeriksaan atau pemantauan (audit) ke premis PB-AB bagi memastikan pematuhan pelaksanaan dan jaminan kualiti SPKM.

12.0 LARANGAN KEPADA PB-AB

PB-AB adalah dilarang melakukan mana-mana perkara berikut:

- a) Sebarang tindakan yang boleh diertikan sebagai mencemar imej SPKM;

- b) Menghalang mana-mana pelatih daripada berhenti mengikuti latihan kecuali atas kerelaan pelatih;
- c) Menghalang pelatih mendapatkan apa-apa dokumen atau bukti ketrampilan bagi tujuan pembangunan portfolio dan persijilan pelatih;
- d) Mempamer atau menyiarkan sebarang iklan atau publisiti berkaitan pentauliahan yang kurang tepat atau mengelirukan dalam mana-mana media cetak/ elektronik;
- e) Melaksanakan latihan di premis yang belum mendapat kelulusan pentauliahan JPK;
- f) Membuat pengambilan pelatih melebihi kapasiti yang diluluskan;
- g) Melaksanakan latihan tidak mengikut tempoh yang telah ditetapkan;
- h) Mengemukakan maklumat palsu kepada JPK bagi tujuan pentauliahan dan pelaksanaan SPKM.

13.0 PENGGANTUNGAN ATAU PEMBATALAN SIJIL PENTAULIAHAN

- a) KPPK boleh pada bila-bila masa, menggantung atau membatalkan sijil pentauliahan yang telah dianugerahkan kepada kedua-dua PB dan PB-AB jika PB atau PB-AB didapati:
 - i) melanggar mana-mana syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh JPK atau peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negara berkenaan; atau
 - ii) melanggar mana-mana larangan di dalam peraturan ini atau Panduan Pelaksanaan dan Syarat Pentauliahan Pusat Bertauliah di bawah SPKM.
- b) PB dan PB-AB hendaklah mengembalikan sijil pentauliahan sekiranya berlakunya penamatan pentauliahan.(semak dgn PUU)

14.0 INDEMNITI

Dengan kelulusan pentauliahan ini, PB adalah bertanggungjawab penuh terhadap PB-AB dan Kerajaan Malaysia tidak boleh disabitkan dengan sebarang tindakan undang-undang di atas sebarang tuntutan gantirugi oleh individu, organisasi atau kerajaan asing sekiranya PB atau PB-AB didapati

melanggar mana-mana peraturan, undang-undang atau perjanjian yang telah dimeterai.

15.0 TARIKH KUAT KUASA

Panduan pelaksanaan dan syarat pentauliahan ini mula berkuat kuasa pada _____ . Dengan berkuat kuasa panduan ini, Panduan Pelaksanaan dan Syarat Pentauliahan Penyedia Latihan Di Luar Negara Bagi Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia bertarikh 25 Julai 2012 adalah **DIBATALKAN**.

**KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

April 2013